

VPPA Frequently Asked Questions

Soalan-soalan Lazim

A. General

Umum

No.	Question and answer Soalan dan jawapan
1.	<p data-bbox="253 464 440 527">What is VPPA? Apakah VPPA?</p> <p data-bbox="253 569 1458 856">a) VPPA or Virtual Power Purchase Agreement is a form of financial contract between a consumer and a power producer to purchase and sell energy at a pre-agreed price. Under such mechanism a power producer can virtually sell energy to a consumer even though the consumer is not directly connected to the power plant VPPA atau Perjanjian Pembelian Tenaga Maya ialah satu bentuk kontrak kewangan antara pengguna dan penjana tenaga untuk membeli dan menjual tenaga pada harga yang telah dipersetujui. Di bawah mekanisme ini, penjana tenaga boleh menjual tenaga kepada pengguna walaupun pengguna tidak disambungkan secara langsung ke loji jana kuasa.</p> <p data-bbox="253 898 1458 1367">b) With VPPA, a power producer can sell power to the system under the NEDA framework without a normal PPA. With such mechanism a power producer can mitigate the risk of the price volatility of the market while its consumer can have the benefit of stable long term energy prices for the energy contracted with the power producer. The consumer will remain as a normal consumer of the utility company with secure and firm supply not affected by quality of supply of the power producer Dengan VPPA, penjana tenaga boleh menjual tenaga kepada sistem di bawah rangka kerja NEDA tanpa PPA yang lazim. Dengan mekanisme sedemikian, penjana tenaga boleh mengurangkan risiko turun naik harga pasaran manakala penggunanya boleh mendapat manfaat harga tenaga untuk jangka masa yang panjang dan stabil bagi tenaga yang dipersetujui dengan penjana tenaga. Pengguna akan kekal sebagai pelanggan kepada syarikat utiliti dengan bekalan yang selamat dan kukuh serta tidak terjejas oleh kualiti bekalan penjana tenaga.</p> <p data-bbox="253 1409 1458 1738">c) Under VPPA for renewable energy, in addition to virtually selling energy to a consumer, a power producer can also sell the Renewable Energy Certificate (REC) to a consumer if the consumer wishes to purchase such certificates. This will provide additional revenue to the power producer while the consumer can enhance its corporate image in using RE Di bawah VPPA, selain menjual tenaga secara maya kepada pengguna, penjana tenaga juga boleh menjual Sijil Tenaga Boleh Baharu (<i>Renewable Energy Certificate - REC</i>) kepada pengguna sekiranya pengguna ingin membeli sijil tersebut. Ini akan memberikan hasil tambahan kepada penjana tenaga manakala pengguna boleh meningkatkan imej korporatnya dalam penggunaan tenaga boleh baharu (TBB)</p> <p data-bbox="253 1780 1458 1873">d) This Virtual Power Purchase Agreement (VPPA) is called Corporate Green Power Agreement. In Malaysia, we implement this mechanism under the new programme called Corporate Green Power Programme (CGPP).</p>

No.	Question and answer Soalan dan jawapan
	<p>Perjanjian Pembelian Tenaga Maya (VPPA) ini dipanggil Perjanjian Tenaga Hijau Korporat. Di Malaysia, mekanisme VPPA ini dilaksanakan dibawah program baru yang dikenali sebagai Program Tenaga Hijau Korporat.</p>
2.	<p>What types of renewable energy resources can be used to generate energy under VPPA? Apakah jenis sumber TBB yang boleh digunakan untuk menjana tenaga di bawah mekanisme VPPA?</p>
	<p>The producer is allowed to utilise solar PV. Penjana dibenarkan menggunakan solar PV.</p> <p>As for generation from non-solar, it is still under study and the framework to enable participation from non-solar will be finalized in the near future. For now, the use of non-solar power plants can still be implemented under the Feed in Tariff (FiT) scheme or through the existing New Enhanced Dispatch Arrangement (NEDA) mechanism. Bagi penjanaan dari sumber bukan solar, ianya masih sedang dalam kajian dan kerangka bagi membolehkan penyertaan akan dimuktamadkan dalam jangka masa terdekat. Buat masa ini, pembangunan loji jana kuasa bukan solar masih boleh dilaksanakan di bawah skim Feed in Tariff (FiT) ataupun melalui mekanisme New Enhanced Dispatch Arrangement (NEDA) yang sedia ada.</p>
3.	<p>What is the maximum capacity limit per application? Berapakah had kapasiti maksimum bagi setiap permohonan?</p>
	<p>An applicant can only submit one application with capacity of 5MW to 30MW inclusive. The export capacity applied for shall not be more than the total capacity of the maximum demands of its Corporate Consumers Setiap pemohon hanya boleh mengemukakan satu permohonan dengan kapasiti 5MW sehingga 30MW. Kapasiti eksport yang dipohon hendaklah tidak melebihi jumlah kapasiti permintaan maksimum Pengguna Korporatnya</p>
4.	<p>What are the required information & documents for VPPA application? Apakah maklumat & dokumen yang diperlukan untuk permohonan VPPA</p>
	<p>Documents among others include; Dokumen yang diperlukan adalah termasuk;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Details of the solar power producer, corporate consumer and solar power plant; Butiran penjana tenaga solar, pengguna korporat dan loji janakuasa solar ii. Copy of Corporate Green Power Agreement (CGPA) or “Memorandum of Understanding between Solar Power Producer and the Corporate Consumer” Salinan Perjanjian Tenaga Hijau Korporat (<i>Corporate Green Power Agreement – CGPA</i>) atau “Memorandum Persefahaman antara Penjana Tenaga Solar dan Pengguna Korporat” iii. Preliminary check with TNB on the availability of interconnection to the electricity supply system and any constraint in evacuation of power.

No.	Question and answer Soalan dan jawapan
	<p>Semakan awal dengan TNB mengenai ketersediaan sambung-tara kepada sistem bekalan elektrik dan sebarang kekangan dalam pemindahan kuasa.</p> <p>iv. Documents of proof on right to land use or project site, comments/no objections of local authorities and other relevant agencies on the development of the project etc, Dokumen yang membuktikan hak guna tanah atau tapak projek, ulasan/tiada bantahan daripada pihak berkuasa tempatan dan agensi lain yang berkaitan mengenai pembangunan projek dsb</p> <p>v. Letter of support from financial institution, and Surat sokongan daripada institusi kewangan; dan</p> <p>vi. Other documents as mentioned in the Guide. Dokumen lain seperti yang dinyatakan dalam buku panduan</p>
5.	<p>What is the tenure in the Corporate Green Power Agreement between Corporate Consumer and RE Producer Apakah tempoh Perjanjian Tenaga Hijau Korporat antara Pengguna Korporat dan Penjana TBB</p> <p>The Corporate Green Power Agreement is a commercial agreement between the solar power producer and the corporate consumer. The duration is determined by both parties but subject to the tenure of the licence issued by ST. Typically the financiers of the power plants will advise the power plant. Perjanjian Tenaga Hijau Korporat ialah perjanjian komersial antara penjana tenaga solar dan pelanggan korporat. Tempoh ditentukan oleh kedua-dua pihak tetapi tertakluk kepada tempoh lesen yang dikeluarkan oleh ST. Biasanya pembiayaan loji kuasa akan menasihati loji kuasa</p>
6.	<p>Who can apply for VPPA? Siapakah yang boleh memohon menyertai VPPA?</p> <p>The applicant shall be a solar power producer who has secured VPPA with its corporate consumer(s) and in compliance with the conditions and requirements of the Guide. Pemohon hendaklah merupakan penjana tenaga solar yang telah memeterai VPPA dengan pengguna korporat dan mematuhi syarat dan keperluan Panduan.</p>
7.	<p>Who is eligible to participate in VPPA? Siapakah yang layak menyertai VPPA?</p> <ul style="list-style-type: none"> • The programme is open to new or existing corporate consumer • Program ini terbuka kepada pengguna korporat baru atau sedia ada. • RE power plant must be a new plant. • Loji janakuasa TBB tersebut adalah loji janakuasa baru. • Please refer to the Guide for the eligibility criteria. The criteria are informed in the Guide for Corporate Green Power Programme. • Sila rujuk dokumen Panduan bagi kriteria kelayakan. Kriteria bagi Program Tenaga Hijau Korporat ada dimaklumkan di dalam Panduan tersebut.

No.	Question and answer Soalan dan jawapan
8.	<p data-bbox="256 222 1458 321">Who is the supplier to the Corporate Consumer under the VPPA? Siapakah pembekal elektrik kepada Pengguna Korporat di bawah VPPA?</p> <p data-bbox="256 327 1458 510">The Corporate Consumer is directly connected to the electricity supply system of the utility and subject to the gazetted tariff. Pengguna Korporat bersambung secara terus dengan sistem bekalan elektrik pihak utiliti dan pengguna ini tertakluk kepada tarif yang digazetkan.</p>
9.	<p data-bbox="256 516 1458 657">Can Corporate Consumer take supply other than from TNB participate in VPPA? Bolehkah Pengguna Korporat yang mendapat bekalan elektrik selain daripada TNB menyertai VPPA?</p> <p data-bbox="256 663 1458 768">No. The corporate consumer must be a consumer of TNB Tidak. Pengguna Korporat mestilah merupakan pengguna TNB.</p>
10.	<p data-bbox="256 774 1458 873">When will the VPPA be implemented and quota offered? Bilakah VPPA akan dilaksanakan dan berapakah jumlah kuota yang ditawarkan?</p> <ol data-bbox="256 882 1458 1827" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="256 882 1458 1071">1. The program to be implemented is called Corporate Green Power Programme (or CGPP) and the VPPA is called Corporate Green Power Agreement (or CGPA) Program yang akan dilaksanakan ini dikenali sebagai Program Tenaga Hijau Korporat (atau <i>Corporate Green Power Programme, CGPP</i>) dan VPPA dikenali sebagai Perjanjian Tenaga Hijau Korporat (atau <i>Corporate Green Power Agreement</i>) <li data-bbox="256 1102 1458 1176">2. The programme has been launched on 7 November 2022. Program ini telah dilancarkan pada 7 November 2022. <li data-bbox="256 1207 1458 1501">3. Earlier on, the total capacity allocated for the programme is 600 megawatts (MW). Recently on 9 March 2023, the Minister of Natural Resources, Environment and Climate Change (NRECC) announced the additional capacity of 200 MW to enable more companies to subscribe to green electricity supply to meet ESG commitments. Pada awalnya, jumlah kapasiti yang diperuntukkan untuk program ini adalah sebanyak 600 megawatt (MW). Baru-baru ini pada 9 Mac 2023, YB Menteri NRECC telah mengumumkan penambahan kapasiti sejumlah 200MW bagi membolehkan lebih banyak syarikat melanggan bekalan elektrik hijau bagi memenuhi komitmen ESG. <li data-bbox="256 1533 1458 1827">4. Application is open from 7 November 2022 until 6 February 2023. Subsequent to the announcement of an additional capacity of 200MW, this programme will be open until 31st December 2023 or until the full allocation of the 800MW quota. The solar power plant shall be completed before the end of 2025. Permohonan akan dibuka dari 7 November 2022 sehingga 6 Februari 2023. Lanjutan daripada pengumuman penambahan kapasiti berjumlah 200MW, program ini akan dibuka sehingga 31 Disember 2023 atau sehingga peruntukankuota 800MW dipenuhi. Loji janakuasa solar hendaklah disiapkan dan mula beroperasi sebelum penghujung tahun 2025.

No.	Question and answer Soalan dan jawapan
11.	<p data-bbox="256 222 1458 321">Where can I locate my plant Di manakah lokasi loji janakuasa yang boleh dibangunkan dibawah mekanisme VPPA?</p> <p data-bbox="256 327 1458 510">The Solar Power Plant located in Peninsular Malaysia is subject to the approval of the local authorities and the acceptability of the grid connection and ability to evacuate power to the grid. Lokasi yang dibenarkan adalah di Semenanjung Malaysia dan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa tempatan serta penerimaan penyambungan ke grid dan keupayaan untuk memindahkan kuasa ke grid.</p> <p data-bbox="256 552 1458 617">This will be part of the information required for application. Ini akan menjadi sebahagian daripada maklumat yang diperlukan untuk permohonan.</p>
12.	<p data-bbox="256 623 1458 722">How can I apply for VPPA? Bagaimanakah saya boleh memohon menyertai CGPP?</p> <p data-bbox="256 728 1458 842">The application can be made by submitting your application to Single Buyer (SB) Please follow the instruction given in the guide, which can be downloaded from SB's website www.singlebuyer.com.my</p> <p data-bbox="256 877 1458 976">Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan permohonan kepada Single Buyer (SB) Sila ikuti arahan yang diberikan dalam panduan, yang mana boleh dimuatturun melalui laman sesawang SB di www.singlebuyer.com.my</p>
13.	<p data-bbox="256 1024 1458 1123">How long does the application process take? Berapa lama proses permohonan?</p> <p data-bbox="256 1129 1458 1276">The applicant will be informed of the outcome of the application within three (3) months after closing Pemohon akan dimaklumkan mengenai keputusan permohonan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tutup permohonan.</p>
14.	<p data-bbox="256 1320 1458 1419">Is ST Generation License required under CGPP? Adakah Lesen Penjanaan ST diperlukan di bawah CGPP?</p> <p data-bbox="256 1425 1458 1572">Yes. The solar power producer is required to apply for a licence according to the licensing procedures before the commissioning of the plant. Ya. Penjana tenaga solar dikehendaki membuat permohonan lesen mengikut tatacara pelesenan ST sebelum loji mula beroperasi.</p>

B. NEDA

No.	Question and answer
1.	<p>What is NEDA? Apakah itu NEDA?</p> <p>NEDA is New Enhanced Dispatch Arrangement. It is a mechanism which the Single Buyer used to schedule and dispatch power plants in Peninsular Malaysia to meet demand and to enhance competition and cost efficiency of the Single Buyer market on wholesale electricity.</p> <p><i>NEDA adalah New Enhanced Dispatch Arrangement.</i> Ianya adalah mekanisme yang digunakan oleh Single Buyer untuk penjadualan bagi pengoperasian loji-loji janakuasa di Semenanjung Malaysia. Ia adalah untuk memenuhi permintaan dan untuk meningkatkan persaingan dan kecekapan kos dalam pasaran Single Buyer bagi perolehan elektrik.</p>
2.	<p>What is MPI? Apakah itu MPI?</p> <p>Market Participants Interface is the window to NEDA portal for submission of bids and receipt of reports and data. <i>Market Participant Interface</i> adalah portal laman web NEDA bagi penyerahan bidaan dan penerimaan laporan serta data.</p>
3.	<p>What is SMP? Apakah itu SMP?</p> <p>System Marginal Price is the energy price of the most expensive thermal generator dispatched to meet demand in the half-hour period. SMP could be influenced by a combination of factors including fuel price, system demand and generation system condition.</p> <p><i>System Marginal Price</i> adalah harga tenaga yang dijana oleh loji janakuasa <i>thermal</i> yang paling mahal dan dioperasikan untuk memenuhi permintaan dalam tempoh setengah jam. SMP boleh dipengaruhi oleh gabungan beberapa faktor seperti harga bahan api, permintaan sistem dan keadaan sistem penjanaan.</p>
4.	<p>How many categories of NEDA participants and solar power producers under CGPP are in which category ? Berapakah kategori peserta NEDA? Penjana tenaga solar di bawah CGPP berada dalam kategori yang mana?</p>
	<p>There are 3 categories of NEDA participants as follows; Terdapat 3 kategori peserta NEDA seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. PPA/SLA Generators Loji Janakuasa dengan PPA/SLA

No.	Question and answer
	<p>b. Merchant Generators Loji Janakuasa Merchant</p> <p>i. Ex-PPA/SLA Generator (utilizing power sector gas) Loji Janakuasa yang telah tamat tempoh PPA/SLA (menggunakan gas dari sektor tenaga)</p> <p>ii. Large Merchant Generator; Cogen plant, Ex-PPA/SLA own fuel, Franchise Utility, Part PPA/SLA, RE Plant export capacity of 30MW and above Loji Jankuasa Large Merchant: Loji Co-generation, Bekas Loji Janakuasa PPA/SLA mengguna pakai bahan api sendiri, Utiliti Francais, Part PPA/SLA, Loji Janakuasa TBB dengan eksport tenaga sebanyak 30MW dan ke atas</p> <p>iii. Price Taker: Cogen plant, Ex-PPA/SLA own fuel, Franchise Utility, RE Plant with export capacity of 100kW or more but less than 30MW Price Taker: Loji Co-generation, Bekas Loji Janakuasa PPA/SLA mengguna pakai bahan api sendiri, Utiliti Francais, Loji Janakuasa TBB dengan eksport tenaga sebanyak 100kW atau kurang daripada 30MW</p> <p>c. Solar Power Producers under LSS3 and LSS4 Penjana Loji Janakuasa Solar di bawah program LSS3 dan LSS Mentari.</p> <p>All generators can submit daily bids, except Price Taker. Price Taker will be paid the system marginal price (SMP) for the energy supplied to the grid without having to submit any bids. Semua loji janakuasa boleh menghantar bidaan secara harian, kecuali bagi kategori <i>Price Taker</i>. Peserta bagi kategori <i>Price Taker</i> akan dibayar harga System Marginal Price (SMP) untuk tenaga yang dibekalkan kepada grid tanpa perlu mengemukakan sebarang tawaran.</p>
5.	<p>Where can we obtain the information of SMP? Di manakah maklumat berkenaan SMP boleh diperolehi?</p>
	<p>SMP is publicly available and can be obtained at Single Buyer's website. Users can download the current and historical SMP at the website. SMP dipaparkan secara umum dan boleh didapati di laman web Single Buyer. Pengguna boleh memuat turun harga semasa dan harga sebelumnya dari laman web Single Buyer.</p>
6.	<p>How to sign on? Bagaimanakah cara untuk mendaftar?</p>
	<p>Applicants are advised to refer to the NEDA Guidelines which can be downloaded from the ST or Single Buyer website. Referring to these guidelines, the applicant is required to complete the registration form and submit the necessary requirements to the Single Buyer. Pemohon dinasihatkan untuk merujuk kepada Garis Panduan NEDA yang boleh dimuatturun daripada laman web ST atau Single Buyer. Merujuk kepada garis panduan ini, pemohon dikehendaki untuk melengkapkan borang pendaftaran dan mengemukakan keperluan yang diperlukan kepada Single Buyer.</p>

No.	Question and answer
	<p>There are 4 agreements under the NEDA contractual framework; Terdapat 4 perjanjian di bawah rangka kerja kontrak NEDA iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none">i. NEDA Framework Agreementii. NEDA Supplemental Agreementiii. NEDA Accession Agreementiv. NEDA Connection Agreement <p>The participant is also required to register as the NEDA participants and get access to the MPI (Market Participants Interface) Peserta juga dikehendaki mendaftar sebagai peserta NEDA dan mendapat akses kepada MPI (Market Participants Interface)</p>

Any additional question can be forwarded to cgpp@st.gov.my

Sebarang pertanyaan lain boleh dikemukakan kepada email cgpp@st.gov.my